

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM GAPENA

TEMPAT: HOTEL EQUATORIAL, KUALA LUMPUR

TARIKH: 23 NOV 1984

MASA:

Yang Berbahagia Profesor Ismail Hussein,
Ketua Satu GAPENA;
En. Gerald F. Cox,
Pengerusi ESSO Malaysia;
Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa GAPENA kerana menjemput saya ke majlis malam ini. Kepada penulis-penulis jemputan dari luar negeri, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat datang ke Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

2. Saya mengucapkan tahniah kepada masyarakat penulis Malaysia kerana telah menunjukkan satu semangat kesatuan yang gigih. Dengan semangat kesatuan itu, pertubuhan-pertubuhan penulis telah dapat menjalankan program-program bagi kemajuan penulisan dan bahasa kita. Kegiatan pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan seperti GAPENA adalah penting bagi menambah usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan sendiri dalam bidang bahasa dan sastera. Inisiatif dan usaha pembinaan mestilah datang juga daripada rakyat sendiri. Kerajaan hanya dapat memberi dorongan dan galakan. Pertubuhan-pertubuhan seperti GAPENA haruslah dapat menggemblengkan buah fikiran dan tenaga rakyat, dan seterusnya melakukan pelbagai usaha dalam memperkayakan bahasa dan persuratan. Dengan itu, apa jua kerjasama yang erat antara badan-badan bahasa dan sastera dengan institusi-institusi kemajuan bahasa yang ditubuhkan oleh Kerajaan tentulah akan memperkukuhkan lagi kedudukan bahasa dan sastera kita.

3. Di dalam ucapan saya di persidangan Pertemuan Dunia Melayu di Melaka pada akhir tahun 1982, saya menyebut tentang perlunya membina satu bahasa dan satu kebudayaan Impian kita untuk membentuk satu bangsa yang bersatu padu dengan Kebudayaan Kebangsaan adalah hasrat kita semua.

4. Dalam pembinaan Kebudayaan Kebangsaan itu, Bahasa Kebangsaan tentulah menjadi bahagian yang utama. Pihak Kerajaan telah melakukan apa sahaja yang patut daripada segi

pembinaan dan pengiktirafan bahasa dan sastera kebangsaan. Kerajaan telah melaksanakan dasar bahasa itu dengan tegas melalui Dasar Pelajaran Kebangsaan dan generasi baru kita telah dididik dengan baik dalam bahasa itu sehingga ke peringkat universiti. Bahkan bahan-bahan bacaan, istilah-istilah dan ejaan dan penggunaan bahasa telah diterbit dan diselaraskan dalam konteks serantau yang lebih luas.

5. Dari segi sastera pula, Kerajaan memang selalu memberikan galakan yang kuat. Anugerah Sastera dan Hadiah Sastera adalah merupakan galakan besar yang diberikan oleh Kerajaan. Pusat-pusat pengajian tinggi kita pula telah membentuk jabatan-jabatan pengajian bahasa dan sastera, penulisan kreatif, dan komunikasi massa. Semuanya adalah untuk mempertingkatkan lagi daya dan nilai Bahasa Kebangsaan.

6. Saya sedar yang pelaksanaan Bahasa Kebangsaan kita itu bukanlah tanpa masalah, terutama daripada segi penggunaannya dalam kehidupan kita sehari-hari, seperti di kalangan pihak swasta di bandar-bandar. Tetapi kita haruslah lihat perkara ini secara rasional. Kita di sini haruslah berhati-hati agar keazaman kita untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan tidak mengancam keperluan kita kepada bahasa-bahasa ilmu dan kemajuan dan perkembangan di sekeliling kita. Bahasa ilmu dan nilai-nilai asing yang positif adalah penting bagi memperkuatkan sistem pendidikan kita, bagi memindah teknologi dan ilmu pengetahuan dari luar, malah penguasaan bahasa-bahasa lain akan memperkuatkan Bahasa Kebangsaan kita sendiri.

7. Kita harus ingat bahawa pembangunan Bahasa Kebangsaan ke peringkat yang didapati sekarang dicapai oleh kerana ada di antara kita yang dapat menguasai bahasa-bahasa asing. Tanpa penguasaan ini peminjaman perkataan asing akan terhad kepada peminjaman bunyi perkataan sahaja tanpa makna. Jika bunyinya sahaja yang dipinjam tetapi maknanya lain, maka adalah lebih baik kita tempah bunyi perkataan kita sendiri. Sebenarnya, meminjam bunyi perkataan tanpa tafsirannya akan mengelirukan kita semua. Banyak perkataan Arab, Inggeris dan lain-lain yang digunakan oleh kita, tetapi tidak mempunyai makna asal perkataan itu.

8. Ini berlaku kerana kurangnya penguasaan bahasa lain. Oleh itu, jika kita ingin memperkayakan bahasa kita, bukan sahaja pakar-pakar bahasa perlu menguasai bahasa asing, tetapi juga setiap daripada kita yang terpelajar dan ahli profesional hendaklah menguasai sekurang-kurangnya satu bahasa asing. Di zaman moden ini orang yang terpelajar biasanya menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa. Ini tidak bermakna kita menderhaka kepada Bahasa Kebangsaan kita. Sebaliknya ia menolong kita memperkayakan bahasa kita di samping memperluaskan ilmu yang dimiliki oleh kita. Hari ini kita masih boleh menterjemahkan tulisan daripada bahasa asing. Saya khuatir jika perasaan kebangsaan kepada bahasa mengongkong kita, akan terputuslah kita daripada punca-punca

ilmu yang diterokai oleh bangsa lain.

9. Dengan yang demikian tugas kita sekarang ialah mencari perimbangan yang sesuai di antara penggunaan Bahasa Kebangsaan dengan bahasa-bahasa ilmu dunia. Perimbangan ini kalau diujahkan kepada masyarakat kita secara logik tidaklah harus menimbulkan apa-apa kesangsian atau tentangan. Sehubungan dengan itu kita seharusnya memperkukuhkan penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa perhubungan sehari-hari dan dalam kehidupan biasa; ini termasuklah juga sebagai bahasa dalam mempamer dan mengiklankan barang-barang dagangan di kedai-kedai dan di pusat membeli belah.

10. Di samping itu kita harus juga perkukuhkan penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa ilmu pengetahuan dan bahasa kebudayaan yang tinggi. Adalah tugas golongan terpelajar kita yang menguasai bahasa-bahasa asing untuk memindahkan kekayaan ilmu pengetahuan dunia ke dalam Bahasa Kebangsaan. Dalam usaha untuk meluaskan penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa kebudayaan tinggi, usaha bersama dan kerjasama antara individu dan institusi-institusi mestilah ditingkatkan. Di samping itu pula haruslah ada sesuatu yang menarik minat para pembacanya. Di sinilah terletak peranan masyarakat penulis dan seniman iaitu untuk mengarang atau mencipta karya-karya yang bermutu yang dapat memikat pembaca dan penontonnya. Adalah tugas penerbit-penerbit kita juga, terutama surat khabar bahasa kebangsaan, untuk meningkatkan mutu rencana yang disiarkannya, sesuai dengan cita-cita kita untuk memperluaskan lagi penggunaan Bahasa Kebangsaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Pada kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada GAPENA yang telah berjaya bekerjasama dengan pelbagai pihak swasta dalam projek-projek sastera. Pada malam ini, kita lihat, misalnya, beberapa projek yang diusahakan dengan kerjasama Syarikat Esso Malaysia. Saya mengucapkan terima kasih kepada mereka ini yang berani menampilkan diri untuk turut bersama membina bahasa dan kesusasteraan kebangsaan Malaysia. Saya ingin menarik perhatian bahawa konsep penswastan Kerajaan juga harus diperluaskan dalam lapangan pembinaan bahasa dan kebudayaan oleh kerana bahasa dan kebudayaan perlu dibina dengan daya usaha dan inisiatif rakyat sendiri. Peranan Kerajaan hanyalah setakat memberi galakan dan dorongan.

12. Bagaimanapun di sini saya ingin menegaskan betapa perlunya pelbagai pihak di luar Kerajaan ikut serta dalam pembinaan bahasa dan persuratan kebangsaan kita. Misalnya, banyak daripada bahan-bahan yang kita perlukan sekarang dalam bahasa kebangsaan, seperti buku-buku ilmu pengetahuan dan kebudayaan yang tinggi, belum lagi boleh diterbitkan secara komersial, oleh kerana jumlah penggunaannya masih terbatas. Oleh itu penerbitan buku-buku seperti ini perlu diberi bantuan kewangan. Saya percaya pihak swasta kita

yang mampu sudah tentu akan dapat memberi sumbangan yang bererti supaya buku-buku seperti ini dapat diterbitkan.

13. Dalam hal ini saya amat gembira dengan wujudnya beberapa badan lain seperti Yayasan Karyawan, Zamalah Sastera, serta juga Yayasan Seni yang ditubuhkan tidak lama dahulu. Melalui pertubuhan-pertubuhan seperti ini, pihak swasta dan rakyat dapat ikut menyalurkan sumbangan mereka. Saya rasa melalui proses sedemikian, kita lambat-laun akan dapat mewujudkan badan-badan yang khusus yang diusahakan atas inisiatif rakyat bagi menerbitkan satu-satu karya bahasa seperti 'kamus kebangsaan' ataupun untuk menerbitkan 'ensiklopedia kebangsaan'.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Saya mengucapkan tahniah kepada pemenang-pemenang 'Pertandingan Cerpen ESSO-GAPENA Kelima' dan 'Hadiah Sastera Remaja ESSO-GAPENA Ketiga'. Kepada mereka yang tidak berjaya saya berharap mereka akan terus mengasah bakat masing-masing dan turut menyertai peraduan-peraduan masa depan. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Syarikat ESSO Malaysia yang mengumumkan 'Hadiah Drama' malam ini. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada GAPENA kerana menjemput saya dan isteri saya. Kepada hadirin sekalian, bersama-samalah kita mendaulat dan memperkayakan Bahasa Kebangsaan dan Kebudayaan Kebangsaan kita.

Terima kasih.